

Cukai digital dijangka jana hasil RM449 juta



→ Syarikat luar sedia perkhidmatan digital mampu raih pendapatan berbilion ringgit

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Pelaksanaan cukai digital sebanyak enam peratus kepada penyedia perkhidmatan digital di Malaysia bermula 1 Januari depan, dijangka berpotensi menjana RM449 juta kepada kerajaan.

Bagaimanapun, jumlah berkenaan masih tidak mencukupi untuk mengurangkan sasaran defisit bajet 2020 kepada tiga peratus, demikian menurut Hong Leong Investment Bank (HLIB) dalam nota penyelidikannya, semalam.

Bank pelaburan itu berkata, pelaksanaan cukai digital itu akan memberi persaingan adil kerana ketika ini hanya penyedia perkhidmatan digital tempatan yang dikenakan cukai perkhidmatan di bawah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 2.0, yang mengantikan Cukai Barang

dan Perkhidmatan (GST).

“Sebagai contoh, pelanggan ketika ini perlu membayar enam peratus SST kepada iFlix (tempatan), tetapi bukan untuk Netflix (asing) yang menyebabkan berlaku persaingan tidak adil.

Khidmat digital popular

“Antara penyedia perkhidmatan digital popular yang dijangka akan dikenakan cukai ini termasuk Netflix, Spotify, Amazon, pengiklanan di platform media sosial seperti Facebook dan Instagram, pengkomputeran awan, aplikasi dan permainan di telefon pintar.

“Penyedia perkhidmatan digital asing ini mempunyai pilihan sama ada mahu melepaskan kos ini kepada pelanggan menerusi kenaikan harga sebanyak enam peratus atau mengekalkan harga dan menyerap cukai ini,” katanya.

Mengulas lanjut, HLIB berkata cukai itu tidak akan memberi kesan kepada pembelian barang dalam talian kerana ia sudah pun tertakluk kepada cukai jualan dan duti import.

Selain itu, katanya cabaran utama yang akan dihadapi kerajaan ialah untuk mendapatkan penyedia perkhidmatan digital asing mendaftarkan cukai itu.

“Biarpun syarikat lebih besar mungkin akan patuh kerana alasan reputasi, namun sebaliknya untuk peserta lebih kecil. Selain itu, adalah sukar untuk mengenalpasti peserta lebih kecil yang menjana pendapatan lebih

RM500,000 di Malaysia.

“Justeru, kami berpendapat terdapat dua langkah penguatan kuasaan boleh dilakukan iaitu menutup laman web dan aplikasi mereka atau bekerjasama dengan bank tempatan bagi menghalang transaksi pembayaran,” katanya.

Cukai wajar

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pelaksanaan cukai digital itu dibuat tepat pada masanya, terutama ketika sudah banyak negara lain yang turut melaksanakannya.

Katanya, adalah kerugian jika Malaysia tidak melaksanakannya kerana kebanyakan syarikat luar yang menyediakan perkhidmatan digital adalah bertaraf gergasi dunia dan meraih berbilion ringgit pendapatan.

“Ini kerana, secara digitalnya, syarikat ini beroperasi di Malaysia. Maka sewajarnyalah untuk mereka turut dikenakan cukai.

“Cuma apa yang perlu kerajaan perhalusi ialah mekanisme bagaimana cukai digital ini mahu dikenakan memandangkan ini ialah sesuatu yang baharu, maka sudah tentu banyak ketidakpastian akan berlaku,” katanya.

Mengulas mengenai hasil kutipan cukai digital yang tidak mampu mengurangkan defisit bajet negara, Ahmed Razman turut bersetuju dengan perkara itu.

“Namun, lebih baik ada (hasil) daripada tiada langsung. Malah, ekonomi digital juga dijangka akan berkembang lebih besar pada masa akan datang dan saya yakin hasil kutipan ini akan terus bertambah setiap tahun,” katanya.


Pelaksanaan cukai digital dibuat tepat pada masanya, terutama ketika sudah banyak negara lain yang turut melaksanakannya”

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan
Perniagaan Putra Business School

